



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap/Kontrak** di :-

- Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM, Kampus Puncak Alam
- Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM), Kampus Sungai Buloh

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
1.	Jururawat	U5	Jururawat	RM 1,974.00	RM 6,620.00

SYARAT LANTIKAN

Syarat lantikan secara terperinci berserta dengan maklumat lanjut berkenaan dengan jawatan-jawatan yang diiklankan boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM di <https://pengambilanhuitm.uitm.edu.my>

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman sesawang Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM di <https://pengambilanhuitm.uitm.edu.my> dan membuat permohonan secara dalam talian (*online*) sahaja dengan mengisikan maklumat yang diperlukan bermula **3 Jun 2025 hingga 31 Ogos 2025**. Setiap permohonan jawatan akan dikenakan bayaran RM10.00 dan bayaran boleh dibuat secara dalam talian di UiTMPay.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Ogos 2025 (Ahad)**

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan bolehlah merujuk kepada:



Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
 Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia
 Hospital Al-Sultan Abdullah
 Universiti Teknologi MARA
 42300 Bandar Puncak Alam
 Selangor Darul Ehsan

E-mel : hr_huitm@uitm.edu.my

No. Tel : (03) 3396 3362/3357/3359/12604/3230

KUMPULAN PELAKSANA**JURURAWAT (U5)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Diploma Kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a)
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.